



SEKTOR PENGURUSAN IPTS
(Private Higher Education Institution Sector)
JABATAN PENGURUSAN IPT
(Department of Higher Education Management)
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
(Ministry of Higher Education Malaysia)
ARAS 1, BLOK E3, PARCEL E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62505 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN



Tel. : 03-88835000
Fax : 03-88893836

Ruj.Kami: KPT(JPS)100-4 (6)
Tarikh: 15 Disember 2005

Semua Ketua Eksekutif
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta.



Y.Bhg. Tan Sri/ Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI
SWASTA, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA BIL. 4/2005**

**Pemberitahuan Berhubung Pengendalian Kursus Mata Pelajaran Hubungan
Etnik di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Ketua Eksekutif di institusi pendidikan tinggi swasta berhubung pengendalian kursus Hubungan Etnik dalam mata pelajaran wajib.

2. Kementerian Pengajian Tinggi telah memutuskan bahawa mata pelajaran Hubungan Etnik **wajib** diajar kepada peajar-peajar di IPTA dan IPTS. Memandangkan IPTS telah pun melaksanakan mata pelajaran Pengajian Malaysia sebagai salah satu komponen mata pelajaran wajib tersebut, Kementerian telah memutuskan bahawa mata pelajaran Hubungan Etnik tersebut dimasukkan ke dalam kurikulum Pengajian Malaysia dan jumlah jam sebanyak tiga (3) jam kredit adalah seperti sedia ada.


3. Sehubungan itu juga, IPTS dipohon untuk merujuk kepada kurikulum asal mata pelajaran Hubungan Etnik seperti yang diajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sebagai tambahan kepada kurikulum yang disediakan oleh pihak Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

4. Semua IPTS boleh mendapatkan sesalinan Sukatan Pelajaran Bahasa Kebangsaan dan mata Pelajaran Wajib Institusi Pengajian Tinggi Swasta terbitan September 2005 daripada LAN.


5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 01 Januari 2006.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"SEKTOR PENGURUSAN IPTS PENJANA PENDIDIKAN BERTARAF DUNIA"



(PROF. DR MAHANI BT ZAINAL ABIDIN)
Timbalan Ketua Pengarah,
Sektor Pengurusan IPTS,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

- s.k
1. Y.B. Dato' Sri Dr. Hj. Shafie bin Hj. Mohd. Salleh
Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.
 2. Y.B. Dato' Fu Ah Kiow
Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia
 3. Y.B. Datuk Dr Adham Bin Baba
Setiausaha Parlimen
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
 4. YBhg. Dato' Prof. Dr Hassan Bin Said,
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengurusan IPT,
Kementerian Pengajian Tinggi.
 5. YBhg. Dato' Dr Mohd. Yahya Bin Nordin,
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
 6. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
 7. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
 8. Setiausaha Bahagian,
Bahagian Penyelarasan Dasar,
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

 10. Ketua Eksekutif,
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN).
 11. Penasihat Undang-Undang.
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
 12. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
 13. Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)
YB Menteri Pengajian Tinggi .